



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR
TINGKAT 5, PODIUM UTARA
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40503 SHAH ALAM

SELANGORSHINES



Telefon : 5544 7170
: 5544 7199
: 5544 7079
: 5544 7961
: 5544 7537
: 5544 7166
: 5544 7419
: 5544 7078
Fax : 5513 5568



SIRIM
Certified to ISO 9001:2008
Cert. No.:AR 4550

“KEJUJURAN DAN KETEKUNAN”

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : LPHS/UPP23/07 Jld. 5 ()

Tarikh :

15 Februari 2013

Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)
Ground and 1st Floor
Prima Avenue 7, Block 3510
Jalan Teknorat 6
63000 CYBERJAYA

Pengerusi Eksekutif
Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS)
Ibu Pejabat, Peti Surat 5001
Jalan Pantai Baharu
59990 KUALA LUMPUR

Y.Bhg. Tan Sri/ Dato'

**PERMOHONAN UNTUK MIGRASI METER AIR INDIVIDU
-PANGSAPURI PERKHIDMATAN SURI PUTERI**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat daripada Badan Pengurusan Bersama (JMB) Pangsapuri Perkhidmatan Suri Puteri dan percakapan telefon Puan Azlina Ismail, LPHS bersama Encik Shariful Azman Mustafa Yahya, SPAN pada 8 Februari 2013 mengenai perkara di atas.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Tan Sri/Dato', Pangsapuri Perkhidmatan Suri Puteri adalah di bawah satu lot bersama Suri Puteri *Business Avenue* (Kedai Pejabat). Manakala, pagar tembok batu telah dibina sebagai sempadan kepada **352 UNIT KEDIAMAN Pangsapuri Perkhidmatan Suri Puteri** dengan unit perniagaan Pangsapuri Perkhidmatan Suri Puteri serta Suri Puteri *Business Avenue*.

...2/-

3. Sehubungan dengan itu, Pentadbiran ini ingin mengambil perhatian Y.Bhg. Tan Sri/Dato' mengenai Seksyen 84 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655] yang memperuntukkan bahawa kadar perkhidmatan pembekalan air secara pukal boleh ditetapkan berdasarkan faktor berikut:

- i- Kategori pengguna
- ii- Jumlah penggunaan
- iii- Jenis penggunaan
- iv- Lokasi geografi
- v- Lain-lain yang disifatkan sesuai oleh SPAN


4. Sehubungan dengan itu, Pentadbiran ini memohon pertimbangan dan kerjasama Y.Bhg. Dato' berkenaan permohonan daripada JMB Pangsapuri Perkhidmatan Suri Puteri tersebut (tertakluk kepada prosedur, syarat dan keperluan teknikal yang ditetapkan SPAN dan SYABAS). Pentadbiran ini percaya pelaksanaan migrasi meter air individu di pangsapuri berkenaan dapat memberi manfaat yang besar kepada penduduk bagi 352 unit kediaman yang terlibat dalam menikmati kadar tariff air yang lebih murah (selaras dengan kategori/jenis penggunaan air sebenar) serta pemberian air percuma 20 meter padu.

5. Bersama-sama ini dikemukakan salinan dokumen dan gambar berkaitan untuk rujukan Y.Bhg. Tan Sri/Dato' selanjutnya. Pertimbangan dan kerjasama Y.Bhg. Tan Sri/Dato' mengenai perkara ini adalah sangat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(MUFIDAH MAHFODZ)

Ketua Penolong Pengarah

Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor

b.p. Pengarah Eksekutif

Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor

<http://lphs/selangor.gov.my>

azlina/upbs

**PERMOHONAN UNTUK MIGRASI METER AIR INDIVIDU
PANGSAPURI PERKHIDMATAN SURI PUTERI**

Y.B. Tuan Iskandar Abdul Samad
Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan
Dan Setinggan Negeri Selangor

Y.B. Puan Rodziah Ismail
ADUN Batu Tiga

Encik Mohamad Esa Noin
Pengerusi
JMB Pangsapuri Perkhidmatan Suri Puteri

Pengerusi
Persatuan Penduduk Suri Puteri

PERBADANAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB) SURI PUTERI

Pejabat Pengurusan, Aras 2, Pangsapuri Perkhidmatan Suri Puteri
Jalan Singa F 20F, Seksyen 20, 40300 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel No. 03-55488833 Fax: 03-55481188

Ketua Pengarah Eksekutif,
Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor,
Tingkat 5,
Bangunan SSAAS,
40530 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

U/P : Datin Paduka ALIMAH AHMAD

Puan,

PER : a) Permohonan Migrasi Untuk Menukar Meter Air Pukul Kepada Meter Air Individu
b) Permohonan Untuk Menukar Tarif Air Dari Komersial Kepada Tarif Kediaman

Merujuk kepada perkara tersebut diatas dengan ini Pihak JMB SURI PUTERI SHAH ALAM SELANGOR ingin memohon Migrasi untuk pertukaran meter air pukul ke meter air individu dan juga memohon untuk menukar tarif air dari komersial kepada kediaman.

2. Tujuan pertukaran ini adalah untuk meringankan beban tanggungan penduduk semasa membuat pembayaran bil air sejajar dengan MOTO Lembaga Perumahan dan Hartanah iaitu 'TERBAIK UNTUK ANDA.'

Walaupun bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak tuan khususnya dan segala yang memberikan kerjasama khasnya kerana telah bertungkus lumus serta berpayah-payahan dalam memberikan khidmat yang terbaik bagi menyelesaikan permasalahan tersebut. Saya selaku pengerusi Suri Puteri yang mewakili penduduk disini menjunjung tinggi pengharapan agar pihak tuan mempertimbangkan permohonan saya ini dengan sewajarnya. Budibicara dan jasa baik serta keperhatian pihak tuan amatlah saya hargai dan saya dahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian, Terima Kasih

Yang Benar


Mohamad Esa Noin
(Pengerusi JMB SURI PUTERI)

LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR	
JAWATAN	PERKARA
<i>LE Pu. AS</i>	<input checked="" type="checkbox"/> BINCANG <input type="checkbox"/> TINDAKAN <input type="checkbox"/> MAKLUMAN
<i>[Signature]</i>	CATATAN :

*352 unit
bedaman
4 unit
beday
Eun
Mudun
Kongress
Ammu*



S/K : Pengerusi Persatuan Penduduk Suri Puteri
: COB MBSA
: SYABAS
: Adun Batu Tiga
: Parlimen Shah Alam